

# Harumanis kembali lagi



Akibi dan Zuriyati sedang menimbang harumanis sebelum diambil pelanggan mereka pada setiap hari.

## KONSUMER TRENDY

■ NORSHAHZURA MAT ZUKI

**KEPELBAGAIAN** jenis buah mangga memberi kelainan kepada setiap satunya. Antara yang menjadi sebutan kini adalah jenis harumanis yang sangat istimewa kerana keenakan dan aroma serta kaya dengan vitamin C dan E.

Perlis adalah satu-satunya negeri pengeluar mangga harumanis di negara ini yang bermusim, hanya sekali dalam setahun.

Pastinya negeri tersebut menjadi tumpuan peminat tegar harumanis setiap kali musim buah tersebut yang bermula pada pertengahan April dan berakhir awal Jun. Tinjauan ke negeri tersebut mendapati harumanis dijual di beberapa kawasan, antaranya Chuping, Padang Besar dan Kangar yang dijual antara RM20 hingga RM25 untuk sekilogram (kg).

Bagaimanapun, di ibu kota, harumanis dijual dengan harga RM25 sehingga RM30 ke atas bagi sekilogram. Tidak hanya itu, penjual harumanis

juga memanfaatkan laman sosial bagi memasarkan harumanis melalui kaedah tempahan dan akan mengirim kepada pembeli apabila tiba waktunya.

### Tempahan meningkat setiap hari

Bagi pengusaha harumanis, Akibi Sulaiman, dia menerima tempahan lebih 100 kg setiap hari daripada pelanggannya di seluruh negara.

"Saya menjual harumanis sejak pertengahan April lalu dan setiap hari saya terpaksa membeli daripada pembekal luar kerana permintaan yang tinggi. Saya berniaga di rumah bermula jam 1 petang dan berakhir 12 malam.

"Selalunya, saya mengambil tempahan empat atau lima hari awal bagi memastikan pelanggan akan mendapat harumanis yang sedia untuk dimakan.

"Kadang-kadang ada pelanggan membeli secara terus dan mereka perlu peram selama beberapa hari se-

### Harumanis mendapat permintaan tinggi setiap tahun.

belum dimakan terutamanya yang berada luar Perlis," katanya ketika ditemui di rumahnya yang terletak di Paya Kampung Besar, Jalan Kaki Bukit, Kangar.

Akibi berkata, sejak musim harumanis, dia dan isterinya, Zuriyati Mat Alim, akan menguruskan perniagaan dan memastikan kebun harumanis berkeluasan hampir dua ekar yang mempunyai 80 pokok dijaga rapi bimbang berlaku kecurian.

"Saya hanya menjual buah ini antara RM20 hingga RM21 sekilogram mengikut saiz serta grad A dan B.

"Alhamdulillah, setakat ini, permintaan pelanggan tidak pernah putus dan kadang-kala saya tidak mampu memenuhi kehendak mereka," katanya yang menerima tempahan melalui panggilan telefon sahaja.

Menurutnya, penjagaan harumanis tidak boleh diambil mudah kerana memerlukan ketelitian sama ada ditanam menggunakan benihnya sendiri, 'kahwin sanding' atau tut. Isinya mempunyai dua warna iaitu kuning dan oren.

"Sepokok harumanis mampu mengeluarkan buah antara 30 hingga 400 biji setahun. Harumanis mempunyai pelbagai saiz iaitu besar dan

sederhana.

"Selalunya sekilogram adalah dua biji sahaja," katanya yang turut menanam di sekitar halaman rumahnya.

### Perlu sediakan lebih 300 kilogram harumanis

Bagi pembekal harumanis, Mohd Nazrul Yaacob, musim harumanis sepanjang pertengahan April sehingga Jun dianggap bulan rezeki kepada beliau sekeluarga dan rutin hariannya akan berubah.

"Saya perlu menghantar harumanis kepada penjual tepat pada masanya iaitu sebelum tengah hari dan bergantung kepada permintaan mereka, antaranya pada waktu petang.

"Saya menjadi pembekal harumanis kepada beberapa peniaga harumanis di sekitar Perlis, antaranya di Kangar dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Paya," katanya yang juga penjaga kebun hampir dua ekar yang mempunyai 95 pokok harumanis.

Menurutnya, penjagaan harumanis rumit kerana perlu dibalut menggunakan kertas berwarna coklat dan putih selama 75 atau 80 hari sebelum dipetik.

"Selain itu, faktor cuaca juga mempengaruhi pengeluaran harumanis kerana buah itu begitu sensitif kepada cuaca basah selain serangan serangga.

"Pada tahun lalu, pokok di kebun saya mampu menghasilkan dua tan harumanis dan menjangkakan pada tahun ini akan dapat jumlah yang sama juga," katanya.

Menurutnya, harga RM25 kg dijangka bertahan sehingga pertengahan Mei sahaja dan selepas itu harganya akan meningkat kepada RM30 dan RM35.

### Beli dari rumah pekebun

Sementara itu, kakitangan awam, Abdul Rahim Mahamoud, 40, ber-



ABDUL RAHIM



ZURIYATI

kata, keistimewaan harumanis ialah baunya yang wangi dan mempunyai serat yang membantu sistem pencernaan dalam badan.

Dia gemar membeli buah harumanis daripada rumah pekebun sendiri berbanding membelinya di gerai buah di tepi jalan raya.

"Saya bimbang jika membeli buah di tepi jalan tidak berkualiti dan agak mahal berbanding membelinya daripada pekebun. Saya membelinya dalam kuantiti yang banyak iaitu bermula daripada 10 kg.

"Saya membelinya untuk makar bersama keluarga dan dihantar kepada kawan-kawan serta saudara mara yang berada di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang menempahnya," katanya.

Menurutnya, jika musim harumanis, pembeli rela berbaris untuk membelinya kerana tidak mahu terlepas merasai khasiat harumanis.

Sementara itu, suri rumah Jamilah Mohd Ali berkata, setiap tahun dia pasti membeli harumanis sama ada membelinya sendiri atau mengirim kawan-kawan atau anak anaknya yang berkunjung ke Perlis.

"Harumanis mempunyai keistimewaan tersendiri kerana rasanya lain daripada beberapa jenis mangga lain.

"Walaupun harganya agak mahal tetapi ia memberikan kepuasan apabila disajikan bersama pulut dan jus.

"Keenakannya sukar diungkap kerana hanya yang merasainya sahaja akan tahu," katanya yang menggemari isi harumanis berwarna oren.



Sebagai pembekal, Mohd Nazrul sangat peka terhadap penjagaan harumanis.